

TARIKH	10 / 5 / 2016	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

## Waris kren tumbang diminta bersabar tunggu pampasan

Oleh TOREK SULONG

**PASIR PUTEH** - Ahli keluarga dan waris tujuh mangsa nahas tragedi kren runtuh di Mekah tahun lalu diminta bersabar berhubung proses pembayaran pampasan daripada Kerajaan Arab Saudi sebagaimana yang telah dijanjikan pihak berkenaan.



ASYRAF

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, pampasan itu masih belum dijelaskan oleh negara berkenaan dan ia adalah di luar bidang kuasa kerajaan Malaysia. "Setakat ini Tabung Haji belum mendapat sebarang berita mengenainya.

"Bagaimanapun kerajaan

berhubung secara langsung dengan kerajaan Arab Saudi dan mendoakan bayaran pampasan atau ihsan bantuan kepada keluarga mangsa akan diperoleh," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup Majlis Pemuafakatan Guru di Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh dekat sini semalam.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri Selising, Zulkefli Ali dan Ketua Pegawai Pendidikan Daerah, Harun Yusof.

Asyraf berkata demikian sebagai mengulas pertanyaan anggota keluarga mangsa berhubung kenyataan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud yang mengarahkan pemberian wang pampasan kepada keluarga mangsa tragedi

Raja Salman umum pampasan, jumpuan palatj Diraja Arab Saudi untuk Lunahap

### Waris mangsa dapat RM1.1 juta




KERATAN Kosmo/17 September 2015.

berkenaan sebanyak SRI juta (RM1.1 juta) pada 16 September tahun lalu.

Raja Salman sebelum ini dipetik sebagai berkata, wang itu akan diberikan kepada keluarga setiap mangsa yang terkorban, termasuk mereka yang cedera dan mengalami kecacatan kekal akibat insiden malang itu.

Tujuh jemaah Malaysia yang disahkan terkorban dalam tragedi itu ialah Rusiah Suar, 56, Siti Nuroolshlizan Zolkifli,



BEGINILAH keadaan kren yang tumbang di Masjidilharam, Mekah pada September tahun lalu yang turut mengorbankan tujuh jemaah Malaysia.

37, Rohana Ismail, 54, dan Muhan Jusoh, 73.

Tiga lagi yang turut terkor-

ban ialah Shahidan Saad, 52, Zainun Taha, 69, dan Abdul Habib Lahman, 68.